



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS KONTRASTIF FRASA ADJEKTIF BAHASA ARAB DAN BAHASA MELAYU DALAM CERPEN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SHAHRUL ANUWAR BIN MOHD GHAZALI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS KONTRASTIF FRASA ADJEKTIF BAHASA ARAB DAN BAHASA
MELAYU DALAM CERPEN**

SHAHRUL ANUWAR BIN MOHD GHAZALI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA BAHASA ARAB
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat ilahi, kertas penyelidikan ini telah berjaya dihasilkan dengan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan buat semua insan yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Dimulai dengan penyelia saya, Dr. Nazri bin Atoh yang sentiasa memberikan ruang kepada saya untuk menimba ilmu dan mencari sumber inspirasi. Saya amat bersyukur kerana diberi peluang untuk berkenalan dengan beliau sejak dari mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana muda hingga kini. Kehadiran beliau dalam melaksanakan kajian ini sungguh istimewa buat diri saya kerana kesabaran dan dedikasi beliau yang tiada bandingnya. Usaha beliau telah memperkuat langkah saya untuk melangkau ke hadapan dan mampu bersinar dalam bidang bahasa Arab.

Seterusnya sekalung penghargaan kepada pensyarah-pensyarah kursus sepanjang pengajian saya di semester satu dan dua. Terima kasih kepada Dr. Hilmi bin Abdullah dan Dr. Zarima binti Zakaria. Ilmu yang diberikan telah banyak membantu dalam melaksanakan kajian.

Kemudian buat keluarga saya yang sentiasa memberikan sokongan dan doa tanpa berbelah bagi walaupun berada jauh. Semoga doa yang dipanjangkan memberikan keberkatan kepada kejayaan yang akan diperoleh kelak. Seterusnya kepada rakan-rakan sekelas turut memberikan sokongan dalam melaksanakan kajian ini. Terima kasih atas segalanya.





ABSTRAK

Pengaruh bahasa Arab telah meresap ke dalam bahasa Melayu. Kemasukan perbendaharaan kata bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu menyebabkan wujud kosa kata pinjaman bahasa Melayu yang berasal daripada bahasa Arab. Selain itu, pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda memberi kesan kepada pelajar dalam menguasai bahasa Arab. Pengetahuan dan pengalaman bahasa pertama sering digunakan oleh pelajar semasa mempelajari bahasa asing. Hal ini menimbulkan kekeliruan kepada pelajar dalam memahami dan menguasai struktur frasa bahasa Arab. Ini kerana, struktur frasa adjektif berbeza antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu. Oleh demikian, kajian ini bertujuan untuk menentukan jenis frasa adjektif dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu serta mengkaji aspek persamaan dan perbezaan dalam kedua-dua bahasa berdasarkan cerpen karya Mustafa Lutfi al-Manfaluti dan Shahnnon Ahmad. Metodologi kajian yang dijalankan adalah melalui pendekatan kualitatif secara analisis dokumen menggunakan kajian perpustakaan. Kajian ini juga menggunakan pendekatan analisis kontrastif yang dipelopori oleh Robert Lado (1957) dalam bukunya '*Lingustic Across Culturse*'. Analisis ini dilakukan secara sistematik dengan membandingkan kedua-dua bahasa tersebut bagi menentukan persamaan dan perbezaan dari sudut frasa adjektif dalam cerpen terpilih. Dapatan kajian menunjukkan wujud persamaan dan perbezaan frasa adjektif dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu yang merangkumi elemen frasa adjektif tunggal, frasa kerja sebagai frasa adjektif, frasa nama sebagai frasa adjektif dan kata sendi sebagai frasa adjektif.



CONTRASTIVE ANALYSIS OF ARABIC AND MALAY FOR ADJECTIVE PHRASES IN SHORT STORIES

ABSTRACT

The influence of the Arabic language has permeated into the Malay language. The introduction of Arabic vocabulary into the Malay language resulted in the existence of Malay loanwords derived from Arabic. In addition, the influence of Malay as a mother tongue affects students in mastering Arabic. First language knowledge and experience are often used by students while learning a foreign language. This causes confusion to students in understanding and mastering the structure of Arabic phrases. This is because, the structure of adjective phrases differs between Arabic and Malay. Therefore, this study aims to determine the types of adjective phrases in Arabic and Malay and to study the similarities and differences in both languages based on short stories by Mustafa Lutfi al-Manfaluti and Shahnnon Ahmad. The research methodology is through a qualitative approach by document analysis using library research. This study also uses the contrastive analysis approach pioneered by Robert Lado (1957) in his book 'Lingustic Across Culture'. This analysis is done systematically by comparing the two languages to determine the similarities and differences in terms of adjective phrases in selected short stories. The findings show that there are similarities and differences of adjective phrases in Arabic and Malay which include elements of single adjective phrases, working phrases as adjective phrases, noun phrases as adjective phrases and conjunctions as adjective phrases.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Penyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Soalan Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Batasan Kajian	15
1.8 Definifsi Operasional	16
1.9 Kerangka Teoritikai Kajian	18
1.10 Kerangka Konseptual Kajian	19



**BAB 2****KAJIAN LITERATUR**

1.11	Rumusan	20
2.1	Pendahuluan	21
2.2	Pendekatan Analisis Kontrastif	22
2.2.1	Latar Belakang Sejarah Analisis Kontrastif	25
2.2.2	Hipotesis Analisis Kontrastif	27
2.3	Kajian berkaitan Analisis Kontrastif	30
2.3.1	Kajian Analisis Kontrastif Bahasa Arab dan Bahasa Melayu	30
2.3.2	Kajian Analisis Kontrastif Bahasa Arab dan Bahasa Asing Lain	33
2.3.3	Kajian Analisis Kontrastif Bahasa Melayu dan Bahasa Asing Lain	35
2.4	Frasa Adjektif Bahasa Arab (<i>Al-Tarkib An-Na'ti</i>)	39
2.4.1	Binaan Frasa Adjektif Bahasa Arab	40
2.4.2	Kata Penguat Dalam Frasa Adjektif Bahasa Arab	42
2.4.3	Kata Sendi Dalam Frasa Adjektif Bahasa Arab	43
2.5	Frasa Adjektif Bahasa Melayu	44
2.5.1	Binaan Frasa Adjektif Bahasa Melayu	44
2.5.2	Kata Penguat Dalam Frasa Adjektif Bahasa Melayu	46
2.5.3	Kata Bantu Dalam Frasa Adjektif Bahasa Melayu	47
2.5.4	Frasa Adjektif Bahasa Melayu Sebagai Predikat	48
2.5.5	Kajian berkaitan Frasa adjektif bahasa Melayu	49
2.6	Sintaksis Bahasa Arab	50
2.6.1	Kajian Berkaitan Sintaksis Bahasa Arab	52
2.7	Sintaksis Bahasa Melayu	54



2.7.1	Kajian Berkaitan Sintaksis Bahasa Melayu	55
2.8	Rumusan	56
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	58
3.2	Reka Bentuk Kajian	59
3.3	Kaedah Kajian	59
3.3.1	Analisis Dokumen	60
3.4	Bahan Kajian	61
3.4.1	Justifikasi Pemilihan Teks	62
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	62
3.6	Prosedur Analisis data	63
3.6.1	Pendekatan Analisis Kontrastif Oleh Robert Lado (1957)	64
3.7	Contoh Analisis data	66
3.8	Rumusan	67
BAB 4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	69
4.2	Analisis Teks	70
4.2.1	Analisis jenis frasa adjektif bahasa Arab dalam cerpen “An-Nazarat”	70
4.2.2	Analisis jenis frasa adjektif bahasa Melayu dalam kumpulan cerpen “Debu Merah”	92
4.3	Analisis Perbandingan	112
4.3.1	Persamaan dan perbezaan frasa adjektif bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam kumpulan cerpen “An-Nazarat” dan “Debu Merah”	112
4.4	Rumusan	119



BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	120
5.2	Rumusan Kajian	121
5.3	Perbincangan	124
5.4	Implikasi	130
5.5	Cadangan	132
5.6	Rumusan	134
RUJUKAN		135
LAMPIRAN		



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Al-Tarkib An-Na'ti	17
2.1	Frasa Adjektif Bahasa Arab	40
2.2	Binaan Frasa Adjektif Bahasa Arab	41
2.3	Ayat Tanpa Meletakkan Kata Adjektif	41
2.4	Ayat yang dimasukkan kata adjektif	42
2.5	kata penguat dalam frasa adjektif bahasa Arab	43
2.6	Kata Sendi Dalam Bentuk Frasa Adjektif Bahasa Arab	43
2.7	Kata Penguat Dalam Frasa Adjektif bahasa Melayu	47
2.8	Kata Bantu dalam Frasa Adjektif Bahasa Melayu	48
2.9	Binaan Predikat Frasa Adjektif	49
3.1	Prosedur Pengumpulan Data	64
3.2	Cara Analisis Data	68
3.3	Contoh Analisis Frasa Adjektif	69
4.1	Frasa adjektif tunggal	114
4.2	Frasa nama sebagai frasa adjektif	116
4.3	Frasa kerja sebagai frasa adjektif	117
4.4	Frasa adjektif dalam bentuk kata sendi	118
4.5	Rumusan sampel ayat frasa adjektif dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu	120

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Analisis Kontrastif (Model Robert Lado, 1957) untuk Cerpen bahasa Arab dan bahasa Melayu	19
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	19

SENARAI LAMPIRAN

A Cerpen Bahasa Arab “An-Nazarat” dan Cerpen Bahasa Melayu “Debu Merah”

BAB 1

PENGENALAN

Bab ini membincangkan sepuluh subtopik utama iaitu latar belakang kajian, permasalahan kajian, penyetaan masalah, objektif kajian, soalan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Dalam latar belakang kajian, pengkaji akan menerangkan pengenalan terhadap topik yang akan dibincangkan dalam bab ini. Seterusnya dalam pernyataan masalah, pengkaji akan menerangkan permasalahan yang timbul sehingga mendorong pengkaji untuk mengkaji topik ini. Pengkaji juga menetapkan dua objektif kajian diikuti soalan kajian untuk menjawab dalam perbincangan kelak. Dalam batasan kajian, pengkaji akan menjelaskan sampel kajian yang digunakan. Pengkaji juga akan mengemukakan kerangka konseptual kajian dalam bab ini. Kemudian pengkaji menerangkan secara terperinci istilah-istilah penting berkaitan dengan kajian dalam definisi operasional.

Bahasa Arab merupakan bahasa yang penting selain bahasa Melayu kerana dapat dikategorikan sebagai bahasa asing di Malaysia di samping penggunaannya yang meluas terutamanya dalam bidang keagamaan. Selain itu, bahasa Arab adalah bahasa yang mempunyai gaya bahasa, kosa kata dan mengandungi ciri-ciri tatabahasa yang berbeza dengan bahasa Melayu (Zainur Rijal & Mahmoud Mohamad Ali, 2014). Penguasaan kosa kata bahasa Arab yang baik akan menyumbang kepada penguasaan bahasa yang baik sebaliknya penguasaan kosa kata yang lemah akan menyebabkan penguasaan untuk bahasa itu akan menjadi lemah. (Harun Baharudin & Zawawi Ismail, 2016). Hal ini kerana makna yang ingin diungkapkan dan diutarakan tidak akan sampai melainkan dengan adanya kosa kata.

Selain itu, dalam bahasa Arab tatabahasa mampu memberi makna dan mesej yang pelbagai mengikut kehendak pengucap dan penulis. Hal ini kerana, pengucap dan penulis perlu memilih penggunaan tatabahasa yang baik dan paling tepat bagi menggambarkan makna dan mesej yang ingin disampaikan. Kejayaan seseorang pelajar dalam mempelajari bahasa Arab terletak pada tahap penguasaan dalam empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran menulis, kemahiran membaca, kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Dalam pembelajaran bahasa asing para pelajar akan menggunakan beberapa strategi. Namun begitu, perbezaan tahap kemahiran berbahasa asing terletak pada cara penggunaan strategi pembelajaran bahasa (Kamarul Shukri Mat Teh et al., 2009). Oleh itu, tahap penguasaan dalam berbahasa seorang pelajar terletak pada tingkat pendidikan mereka.

Selain itu, bahasa Melayu pula menjadi bahasa yang utama di Malaysia. Ia digunakan secara meluas dalam percakapan seharian masyarakat, majlis rasmi,

pendidikan dan sebagainya. Bahasa Melayu juga menjadi subjek teras di sekolah yang mewajibkan setiap pelajar mengambil subjek tersebut bagi tujuan mendapatkan sijil (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1996). Kandungan subjek bahasa Melayu yang diajar antaranya merangkumi tatabahasa. Tatabahasa ini menjadi panduan dalam mempelajari bahasa kerana ianya merupakan aspek yang terpenting dalam membina perkataan dan ayat.

Bahasa Melayu juga banyak melahirkan perkataan-perkataan baharu yang diserap daripada bahasa lain antaranya melalui penjajahan, keagamaan dan pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu yang memberi impak yang besar dalam sistem bahasa. Selain itu, pengaruh bahasa asing juga banyak memberi kesan terhadap bahasa Melayu terutamanya dalam aspek perbendaharaan kata (Abdul Rauf, 2006). Ia juga turut terjadi dalam perkembangan bahasa Arab. Dengan bertambahnya kosa kata di dalam kedua-dua bahasa tersebut akan meningkatkan perkembangan dan mempunyai ciri yang tersendiri. Kesan bahasa asing juga, mempengaruhi bunyi, pembendaharaan kata, makna kata, gaya bahasa, begitu juga dalam konteks sintaksis, morfologi dan fonologi.

Dalam kajian ini, lebih tertumpu kepada aspek Sintaksis. Sintaksis merupakan subsistem bahasa yang menceritakan hubungan antara ayat, frasa dan klausa (Ahmad Khair, 2003). Ini bermakna analisis berkaitan sintaksis akan memperlihatkan unsur frasa dan unsur ayat. Selain itu, sintaksis ini disebut sebagai an-Nahwu dalam bahasa Arab yang merujuk kepada binaan kata dan ayat. Ilmu an-Nahwu dalam bahasa Arab merupakan kaedah yang perlu digunakan bagi menghasilkan satu makna dengan betul. Kaedah an-Nahwu ini juga perlu dikuasai oleh seseorang dalam mempelajari bahasa



Arab. Dengan menggunakan kaedah tersebut, bahasa Arab dapat digunakan dengan betul dan mampu memahami makna kata dan ayat (Mat Taib, 2017).

Selain itu juga, dalam bahasa Melayu sintaksis ini berkaitan dengan pembedaan ayat yang memerlukan kata. Sintaksis dapat ditakrifkan sebagai satu kaedah dalam sistem bahasa bagi mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat (Nik Safiah Karim et al., 2010). Bagi Abdullah Hassan (2012) pula, menyatakan bahawa sintaksis adalah satu unsur dalam membentuk kata dan ayat dengan menyusun morfem dan kata bagi menghasilkan satu atau lebih unit sintaksis yang disebut sebagai frasa. Daripada definisi di atas dapat disimpulkan bahawa sintaksis ini adalah satu kaedah dalam membentuk frasa, klausa dan ayat dengan menyusun perkataan demi perkataan yang betul.



Cabang sintaksis dalam bahasa Arab merangkumi pelbagai aspek penggolongan kata antaranya *Isim*, *Fi'il*, dan *Harf*. Bagi aspek kata *Al-Tarkib An-Na'ti* termasuk dalam golongan kata *Isim*. Hal ini berbeza dengan penggolongan kata yang terdapat dalam bahasa Melayu iaitu mengandungi beberapa golongan kata antaranya frasa nama, frasa kerja, frasa sendi, frasa adjektif. Dalam hal ini, *Na'at* bermaksud *tabi'* (lafaz yang mengikuti) yang disebutkan untuk menjelaskan tentang apa yang diikutinya (matbu'nya) atau untuk mengkhususkannya (IbnHisham, 2007). Manakala menurut Musthofa Al-Gholaayaini (2009) *Al-Tarkib An-Na'ti* ialah perkataan yang disebut selepas isim untuk menjelaskan keadaan isim tersebut atau keadaan isim lain yang berhubungan dengannya.



Manakala dalam bahasa Melayu pula wujud perbezaan dalam pembentukan ayat bahasa Melayu yang terdiri daripada subjek dan predikat. Menurut Za'ba (2000) subjek merupakan benda iaitu “tentang apa yang diperkatakan” manakala predikat bermaksud cerita iaitu “fikiran yang khusus menyatakan sesuatu tentang objek”. Oleh kerana itu, Predikat dalam bahasa Melayu boleh melibatkan unsur frasa adjektif. Frasa adjektif ini dapat ditakrifkan sebagai susunan kata dan ayat yang boleh terdiri daripada satu perkataan atau lebih dengan syarat kata dan ayat tersebut mengandungi kata adjektif atau kata sifat sebagai kata intinya (Nik Safiah Karim et al., 2010). Justeru itu, frasa adjektif boleh dihasilkan dengan satu atau dua perkataan yang berfungsi sebagai kata adjektif atau sifat serta penguat dalam predikat ayat.

Dari penjelasan definisi di atas, pengkaji mendapati bahawa dalam bahasa Arab, frasa adjektif hadir dalam jenis predikat yang tunggal bagi melengkapkan ayat manakala dalam bahasa Melayu frasa adjektif boleh hadir dalam satu atau lebih perkataan bagi melengkapkan ayat. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi menghasilkan bahan rujukan yang boleh digunakan sebagai panduan dalam bidang terjemahan bahasa Arab dengan bahasa Melayu. Ia juga boleh memberikan kemudahan kepada pelajar yang belajar bahasa asing di Malaysia terutamanya aspek linguistik berkaitan dengan frasa adjektif yang merupakan unsur terpenting dalam satuan bahasa.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sintaksis merupakan salah satu cabang dalam linguistik Arab dan Melayu. Dalam sintaksis terdapat gabungan kata yang menjadikan susunan ayat yang betul. Dalam



pembelajaran bahasa asing, sintaksis bahasa Arab dan bahasa Melayu ini mempunyai kaitan antara satu sama lain. Sintaksis perlu dikuasai bagi membolehkan penutur dan penulis menggunakan bentuk lisan dan tulisan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu dengan baik. Kegagalan seseorang dalam menguasai ilmu sintaksis dengan baik akan memberi impak yang besar dalam menguasai bahasa tersebut secara keseluruhannya (Mohamed, 2012).

Bagi menghubungkan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu ini pendekatan kajian bandingan atau dikenali sebagai analisis kontrastif digunakan untuk mengkaji antara dua bahasa yang berbeza. Tujuannya adalah bagi menganalisis aspek persamaan dan perbezaan antara kedua-dua bahasa tersebut. Analisis kontrastif memiliki peranan yang besar dalam mewujudkan pembelajaran bahasa asing yang lebih efektif. Ia juga penting dalam kajian pembelajaran bahasa asing bagi memudahkan proses penterjemahan dan kesulitan dalam belajar bahasa asing. Pelbagai aspek boleh disentuh dalam analisis kontrastif antaranya aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik.

Menurut Kamarul Syukri Mat Teh (2014), analisis kontrastif merupakan analisis perbandingan dua bahasa yang berlainan seperti bahasa Melayu dan bahasa Arab. Ia juga membandingkan struktur bahasa ibunda dengan struktur bahasa asing yang dipelajari bagi mengenalpasti persamaan dan perbezaan kedua-dua bahasa tersebut. Pendekatan tersebut akan memberikan kemudahan kepada pelajar bahasa asing dalam mempelajarinya kerana bentuk gaya bahasa yang serupa dalam bahasa ibunda mereka.





Dari segi sejarahnya, kemunculan analisis kontrastif bermula pada era tahun lima puluhan yang dipelopori oleh Robert Lado (1957) dalam karyanya '*Linguistic Across Cultures*' yang menerangkan proses pembelajaran pelajar dalam bahasa kedua mereka boleh dipengaruhi daripada bahasa pertama iaitu bahasa ibunda mereka. Beliau juga menyatakan bahawa analisis kontrastif diguna pakai untuk menghindari kesulitan dalam pembelajaran bahasa asing dan membantu dalam proses penterjemahan teks daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain. Oleh itu, kesilapan pelajar dalam menggunakan bahasa pertama ini dapat dikenalpasti dengan analisis kontrastif.

Selain itu, dalam proses pertuturan dan penulisan bahasa Arab, pelajar sering menghadapi masalah ketika ingin memulakan proses pembelajaran tersebut. Mereka merasa keliru untuk menetapkan dan memilih bentuk kosa kata dan ayat yang paling sesuai dan tepat (Mohammad BaihaqiHasni, 2017). Perbezaan frasa dan klausa dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu memberikan kesukaran dalam proses pembelajaran bahasa. Ahmad Sheikh Abdul Salam (2006) menjelaskan bahawa kesan bahasa pertama pelajar mengganggu untuk pelajar tersebut mempelajari bahasa kedua. Dalam hal ini, kesulitan dan kesukaran pelajar untuk menguasai dan memahami bahasa Arab ini disebabkan oleh pengaruh bahasa Melayu.

Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat frasa adjektif dalam cerpen bahasa Arab dan bahasa Melayu. Menurut Othman Putih (2001) mengatakan bahawa cerpen merupakan cerita pendek yang direka dengan bahasa dan imiginasi. Ia juga memberikan plot gambaran berbentuk peristiwa dan kisah. Jamian Abdul Rasid et al., (2013) berpendapat cerpen digunakan sebagai pencetus idea dalam kalangan pelajar. Oleh itu, penggunaan bahan daripada sastera iaitu teks cerpen boleh diaplikasikan dalam





pengajaran dan pembelajaran bahasa asing kerana bahan yang mudah difahami, menarik dan asli (Marohaini Yusof, 2001).

Komponen sastera bahasa Melayu dan bahasa Arab telah dimasukkan dalam sukatan pelajaran bagi untuk memupuk, melahirkan minat membaca dan menghayati bahan sastera. Penerapan bahan cerpen dalam pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Arab telah diperkenalkan sejak sekian lama. Kepentingan signifikan pembelajaran cerpen adalah untuk melahirkan modal insan kelas pertama. Cerpen ini juga digunakan sebagai satu pendekatan dalam meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar. Memandangkan pembelajaran bahasa Melayu dan bahasa Arab menitikberatkan kemahiran berbahasa serta aplikasinya dalam kehidupan, cerpen merupakan satu bahagian pembelajaran bahasa yang bukan sahaja mengetengahkan pembelajaran kemahiran berbahasa, malah memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran tersebut.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk melihat jenis frasa adjektif berdasarkan teks cerpen dalam kedua-dua bahasa tersebut. Ini kerana, terdapat banyak persamaan dan perbezaan yang wujud. Oleh itu, perbezaan yang wujud dalam bahasa tersebut memberikan kesulitan dan kesukaran kepada pelajar dalam mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing. Menerusi beberapa kajian terdahulu, wujud beberapa aspek yang mudah mengelirukan pelajar dalam pembelajaran bahasa asing ini iaitu pembelajaran menggunakan frasa adjektif dalam kata dan ayat.

Namun begitu, terdapat kajian dijalankan dalam bidang analisis kontrastif ini khususnya dalam linguistik, akan tetapi kajian analisis kontrastif antara bahasa Arab





dengan bahasa Melayu di Malaysia kurang tertumpu kepada analisis dalam cerpen. Jesteru itu, pengkaji melihat kajian ini memberikan peranan yang amat penting kerana bahasa Arab dan bahasa Melayu banyak digunakan di negara Malaysia ini.

1.3 Penyataan Masalah

Selepas kedatangan Islam ke negara ini, wujud hubungan yang rapat antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu. Kedatangan Islam ke negara ini oleh pendatang dan pendakwah dari Arab menyebabkan bahasa Arab itu meresap ke dalam sistem bahasa Melayu. Dalam hal ini, selepas raja melayu memeluk islam berlaku proses pengislaman dikalangan orang Melayu serta rakyatnya. Pengaruh bahasa Arab ini juga memberi kesan terhadap kepercayaan agama dan adat resam orang Melayu.

Namun begitu, perkembangan bahasa Arab telah mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat. Perkembangan ini juga menyebabkan bahasa Arab diiktiraf sebagai bahasa utama yang perlu diberi perhatian dalam pendidikan negara. Oleh yang demikian, dalam konteks pendidikan, bahasa Arab telah diguna pakai terutamanya di pondok-pondok dan sekolah-sekolah sebagai subjek pengajaran dan pembelajaran. Jesteru itu, Kerajaan telah mengalakkan pelajar yang beragama Islam untuk belajar bahasa Arab di negara ini.

Dalam mencapai matlamat tersebut, pelbagai kaedah telah diperkenalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ini bagi pelajar bukan dari negara Arab. Pemilihan kaedah dan teknik yang betul dan sesuai kepada pelajar akan



memudahkan proses pembelajaran. Namun begitu, dalam proses pembelajaran kepada pelajar bukan Arab, adalah suatu perkara amat sukar disebabkan terdapat cabaran dan masalah yang mungkin dihadapi oleh pelajar. Oleh itu, dalam melahirkan pelajar bukan Arab yang berkualiti perlu kepada tenaga pengajar untuk memastikan proses pembelajaran ini berkesan kepada pelajar. Cabaran yang utama yang dilihat adalah pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda yang banyak memberi impak kepada pelajar dalam menguasai bahasa Arab.

Hal ini disebabkan, Pengetahuan dan pengalaman bahasa pertama sering digunakan oleh pelajar semasa mempelajari bahasa asing. Mereka sering melakukan kesilapan dalam mempelajari dan menggunakan bahasa asing kerana perbezaan struktur dan elemen dalam sistem tatabahasa. Terdapat juga pelajar yang mengalami masalah kekeliruan dalam pembelajaran bahasa Arab. Tatabahasa bahasa Arab yang amat terperinci ini menyebabkan ramai yang membuat persamaaan dengan struktur bahasa ibunda mereka terutamanya bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan struktur kata dan ayat bahasa Arab tersebut keluar daripada sistem tatabahasa kerana terpengaruh dengan struktur kata dan ayat bahasa Melayu (Al-Amin, 2011).

Dalam proses pembelajaran bahasa asing, pembentukan dan penstrukturan kata dan ayat dalam bahasa Arab yang dipengaruhi oleh bahasa ibunda akan memberikan kekeliruan kepada pelajar dalam memahami dan menguasainya (Normila Norudin, 2014). Menurut Corder (1967) gangguan bahasa ibunda wujud apabila bentuk dan sistem menghalang pelajar untuk memperoleh bentuk dan sistem bahasa Asing. Dalam ha ini, pelajar mungkin melakukan kesilapan dan kesalahan dalam pertuturan dan penulisan bahasa asing iaitu bahasa Arab. apabila wujud permasalahan sedemikian.

Oleh kerana itu, bagi meminimumkan permasalahan tersebut maka, peajar perlu mengetahui sistem antara dua bahasa yang berbeza supaya memudahkan dalam proses pembelajaran bahasa asing.

Begitu juga, pembacaan boleh dilakukan dengan menggunakan bahan-bahan yang sedia ada untuk pelajar. Sebagai contoh, bahan bacaan yang dapat dijadikan contoh untuk pembacaan murid iaitu teks cerpen. Oleh itu, aspek berkaitan cerpen perlu diberi penelitian oleh pengkaji. Melalui pembacaan teks-teks sastera dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab, murid dapat meneladani nilai-nilai murni dan menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan cerpen dalam bahasa yang berbeza.

Nik Safiah (2002), menyatakan bahawa bahan pengajaran amat berguna dalam pengajaran bahasa sama ada dalam konteks masyarakat penuturnya mahupun sistem bahasa itu sendiri. Penggunaan teks cerpen dapat berperanan sebagai pencetus penajaan idea dalam kalangan murid. Pentingnya kajian analisis cerpen kerana cerpen juga dapat memberikan impak positif terhadap penutur dikalangan pelajar. Penggunaan cerpen yang mempamerkan pelbagai maklumat tentang sosiobuday mampu merangsang minat murid dalam mamcerna pemikiran dan diluahkan melalui penulisan yang kreatif (Abdul Rashid Jamianc et al, 2011). Oleh itu, dalam konteks pembelajaran bahasa asing, kajian berkaitan cerpen penting untuk dilaksanakan. Hal ini adalah untuk meneliti unsur-unsur penting bahasa iaitu pertautan dan runtutan dalam teks cerpen untuk melihat kekuatan bahan tersebut.

Oleh itu, berdasarkan tinjauan oleh pengkaji, sepanjang proses pembelajaran pelajar sering mengalami kekeliruan dan kesulitan terutama dalam aspek frasa iaitu



frasa adjektif. Kekeliruan dan kesulitan tersebut mengganggu pelajar dalam memahami dan menguasai bahasa Arab dengan baik. Jesteru itu, kajian ini dijalankan untuk membandingkan frasa adjektif dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu berdasarkan cerpen yang terpilih bagi mendapatkan kesan persamaan dan perbezaan antara kedua-dua bahasa.

1.4 Objektif Kajian

Berikut merupakan tujuan kajian ini dijalankan :

- i. Mengenal pasti jenis frasa adjektif dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam cerpen yang dipilih
- ii. Menganalisis persamaan dan perbezaan frasa adjektif dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam cerpen yang dipilih.

1.5 Soalan Kajian

Berikut merupakan persoalan kajian bagi menjawab tujuan kajian tersebut :

- i. Apakah jenis frasa adjektif dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam cerpen yang dipilih?
- ii. Apakah persamaan dan perbezaan frasa adjektif dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam cerpen yang dipilih?





1.6 Kepentingan Kajian

Kemunculan analisis kontrastif dalam sejarahnya didorong adanya tuntutan dalam pembelajaran bahasa asing. Kesulitan dalam pembelajaran bahasa asing dan kesalahan dalam berbahasa asing yang dialami oleh para pelajar menyebabkan wujudnya tuntutan untuk memperbaiki pengajaran bahasa asing tersebut. Kebiasaan dalam berbahasa Melayu sangat mempengaruhi terhadap pembelajaran bahasa asing seperti bahasa Arab. Oleh kerana itu, menurut Robert Lado (1957) proses pembelajaran pelajar dalam bahasa asing banyak dipengaruhi dan diganggu oleh bahasa pertama mereka iaitu bahasa ibunda. Hal ini akan menimbulkan kesulitan dalam proses pembelajaran bahasa asing disebabkan oleh perbezaan elemen-elemen yang terdapat dalam kedua-dua bahasa.



Dalam hal ini, pelajar akan menggunakan beberapa elemen yang terdapat dalam

bahasa pertama untuk pembelajaran bahasa asing. Akibat daripada memasukkan elemen tersebut akan menyukarkan pelajar untuk menguasai bahasa asing. Namun begitu, Banyak langkah-langkah yang diambil oleh guru dan pensyarah dalam menyelesaikan masalah kekeliruan dan kesulitan pelajar dalam proses pembelajaran bahasa asing. Salah satu cara untuk mengatasi masalah tersebut adalah dengan menggunakan analisis kontrastif ini. Ini kerana, analisis kontrastif mampu dijadikan sebagai alat dalam pembelajaran bahasa asing.

Selain itu, kepentingan analisis kontrastif adalah untuk memperbanyakkan bahan baru dalam pembelajaran bahasa asing. Ia penting kepada guru dan pensyarah dalam membina bahan pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai matlamat yang diperlukan. Analisis kontrastif juga mampu membantu guru dalam menambah bahan





dan latihan yang tidak terkandung dalam kurikulum sekolah dan mampu menjadikan bahan tersebut sebagai rujukan tambahan kepada pelajar dalam mempelajari bahasa asing.

Oleh kerana itu, kelebihan pendekatan kontrastif ini bukan hanya terhad kepada pelajar bahkan ia mampu menolong para guru dalam mencorakkan kaedah pengajaran bahasa (Kamarul Shukri Mat Teh, 2014). Pendekatan ini juga dapat membantu tenaga pengajar dalam menentukan dan mencapai objektif pembelajaran terutamanya dalam pembelajaran bahasa asing. Guru yang mampu membuat perbandingan bahasa asing dengan bahasa ibunda pelajar adalah lebih mengetahui masalah sebenar pembelajaran dan mengetahui kaedah pengajaran yang berkesan (Ellis, 2004). Justeru itu, dengan mengetahui kekeliruan yang dihadapi oleh pelajar guru bahasa akan cuba untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut dengan menyediakan bahan-bahan pelajaran yang bersesuaian dengan latar belakang pelajar.

Selain itu juga, melalui pendekatan analisis kontrastif dapat menyumbang kepada kefahaman budaya dan tradisi yang pelbagai di antara bahasa pertama dan bahasa asing (Tajudin Nur, 2016). Pelajar bahasa asing bukan sahaja memperoleh kefahaman dalam bahasa baru malah turut terlibat secara langsung dalam budaya mereka. Sebagai contoh dalam budaya Melayu, kosa kata yang berkaitan dengan makanan asasi iaitu padi, beras dan nasi, sedangkan dalam bahasa Arab hanya dikenali sebagai ruzun. Menurut Ahmad Sheikh Abdul Salam, (2006) sesiapa yang belajar bahasa baru turut memperoleh budaya baru. Justeru itu, dengan memahami budaya bahasa itu akan mempermudah para pelajar dalam belajar bahasa asing.



Oleh itu, hasil-hasil analisis kontrastif akan memberikan sumbangan dalam bidang linguistik. Ia juga dapat membantu para penterjemah bahasa untuk menterjemah hasil karya mereka daripada bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab dan sebagainya. Penterjemah juga dapat mengatasi masalah kekeliruan bahasa dalam proses terjemahan teks dari bahasa asal kepada bahasa yang diperlukan oleh penterjemah. Namun penterjemah perlu mengetahui dan menguasai makna utama perkataan dalam terjemahan teks seperti terjemahan Arab-Melayu. Justeru itu, dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan yang boleh digunakan dalam bidang terjemahan Melayu-Arab.

1.7 Batasan Kajian

Berdasarkan kajian ini, telah ditetapkan beberapa aspek untuk batasan kajian bagi memudahkan proses pelaksanaan kajian tersebut dijalankan. Kajian ini berkaitan dengan analisis kontrastif antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu. Oleh itu kajian ini tidak menyentuh bahasa yang lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Thai, bahasa Sepanyol. Kajian ini juga mengkaji bidang sintaksis antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Oleh yang demikian, kajian ini tidak tertumpu kepada bidang fonologi, morfologi, semantik, dan pragmatik. Kajian ini turut meninjau aspek persamaan dan perbezaan frasa adjektif. Golongan frasa lain pula seperti frasa nama, frasa kerja, dan frasa sendi tidak dianalisis dalam kajian ini.

Selain itu, pendekatan yang dipilih dalam kajian ini ialah pendekatan yang dipelopori oleh Robert Lado (1957) dalam bukunya '*Linguistic Across Culture*'. Ini kerana kajian ini bertujuan untuk menghuraikan dan membandingkan antara bahasa

Arab dengan bahasa Melayu. Dalam hal ini, kajian hanya dibataskan dalam bidang sintaksis iaitu aspek penggunaan *Al-Tarkib An-Na'ti* (frasa adjektif) dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Penelitian kedua-dua aspek tersebut akan dilihat berdasarkan cerpen bahasa Arab yang berjudul '*An-Nazzrat*' karya oleh Mustafa Lutfi al-Manfalutidan cerpen bahasa Melayu pula bertajukkumpulan cerpen '*Debu Merah*' karya oleh Shahnnon Ahmad.

1.8 Definisi Operasional

Al-Tarkib An-Na'ti : Na'at bermaksud *tabi'* (lafaz yang mengikuti) yang disebutkan untuk menjelaskan tentang apa yang diikutinya (matbu'nya) atau untuk mengkhususkannya (IbnHisham, 2007). Menurut kitab *Mutammimah Ajrumiyyah* terjemahan oleh syeikh syamsuddin Muhammad (2002:341) menyatakan bahawa *Na'at* ialah *tabi'* yang musytaq atau muawwalbih yang menjelaskan lafaz yang diikutinya. Lafaz yang dimaksudkan dengan musytaq ialah *isim fa'il* seperti *dharibun*. Namun begitu, Na'at ini merupakan istilah yang lama digunakan dalam sintaksis bahasa Arab. Oleh itu, pengkaji mengambil istilah yang moden dikenali sebagai *Al-Tarkib An-Na'ti*. *Al-Tarkib An-Na'ti* adalah perkataan yang disebut selepas *isim* untuk menjelaskan keadaan *isim* tersebut atau keadaan *isim* lain yang berhubungan dengannya (Musthofa Al-Gholaayaini, 2009).

Menurut Rozuki Arifin & Marzuki Manan, (2011:101) *Al-Tarkib An-Na'ti* ialah kata majmuk yang menggabungkan antara isim dengan kata adjektif atau sifat dimana sifat tersebut berfungsi sebagai keterangan isim sebelumnya. Jesteru itu, *Al-Tarkib An-*

Na'ti akan menjadi sifat dalam pembentukan ayat dan boleh terdiri daripada kata penguat ayat sebagai contoh berikut :

Jadual 1.1

Al-Tarkib An-Na'ti

التركيب النعتي
دخلتُ الحديقةَ <u>الحسنَ</u> شكلها اشتريتُ اقلامًا <u>جيدةً</u>

Frasa Adjektif : Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, frasa adjektif atau dikenali sebagai kata sifat, iaitu perkataan yang berfungsi sebagai teras utama dalam binaan frasa adjektif (Nik Safiah Karim et al., 2010:225). Bagi Asmah Haji Omar (2015) pula menyatakan bahawa frasa adjektif merupakan frasa sifat yang di dalamnya terdapat kata adjektif atau kata sifat. Ia juga boleh menjadi predikat dalam ayat. Dalam frasa adjektif bahasa Melayu, frasa tersebut boleh hadir sebagai satu kata adjektif atau lebih dan mesti mengandungi kata adjektif atau kata sifat. Ia juga boleh terdiri daripada kata bantu dan kata penguat sebagai keterangan frasa adjektif. Selain itu, frasa adjektif ini boleh berfungsi sebagai predikat dan keterangan predikat dalam ayat (Nik Safiah Karim et al., 2010:405).


Selain itu juga, kata adjektif boleh hadir selepas frasa kerja dan frasa sendi nama iaitu contohnya, frasa adjektif sebagai predikat “abangnya sangat bijak” dan frasa adjektif sebagai unsur keterangan dalam predikat “ayah berlari sangat laju”. Oleh itu, berdasarkan definisi di atas dapat dirumuskan bahawa frasa adjektif boleh hadir dengan

satu perkataan atau dua perkataan atau lebih yang berperanan sebagai sifat atau penguat dalam predikat ayat.

1.9 Kerangka Teoretikal Kajian

Dalam kerangka teoretikal kajian, pengkaji menjelaskan bagaimana Model Robert Lado (1957) digunakan dalam kajian ini. Kerangka yang mendasari kajian ini ialah Model Robert Lado (1957). Lado menjelaskan cara-cara untuk menganalisis dua bahasa berbeza yang disebut analisis kontrastif. Kajian ini menggunakan model struktural yang dikemukakan oleh Lado (1957). Model ini akan dijadikan panduan di dalam menganalisis data frasa adjektif bahasa Melayu (BM) dan bahasa Arab (BA).

Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan menganalisis cerpen bahasa Arab dan bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah yang digunapakai oleh Lado. Bersesuaian dengan teks cerpen yang digunakan oleh pengkaji, aspek frasa adjektif akan digunakan dalam analisis. Berikut merupakan gambar rajah Model Robert Lado (1957) yang akan digunakan dalam analisis teks.



Rajah 1.1. Analisis Kontrasitif (Model Robert Lado, 1957) untuk Cerpen bahasa Arab dan bahasa Melayu



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah




PustakaTBainun



ptbupsi

1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual untuk kajian perbandingan frasa adjektif bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam cerpen memperlihatkan pemboleh ubah bebas dan bersandar. Kerangka konseptual merupakan hubungan atau perkaitan antara konsep dengan konsep yang lain dari masalah yang diteliti. Kerangka konseptual digunakan untuk menjelaskan secara terperinci tentang topik yang dikaji. Berikut merupakan kerangka konseptual dalam kajian ini.



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini meliputi input, pengukuran dan Output. Untuk kajian ini, input ialah analisis kontrastif model Robert Lado (1957). Analisis teks cerpen dapat dilihat pada bahagian pengukuran berdasarkan rajah 1.2 iaitu membataskan pada frasa adjektif sahaja. Seterusnya pada bahagian output mewakili cerpen dalam kedua-dua bahasa merupakan pemboleh ubah bersandar.

1.11 Rumusan

Dalam bab ini, pengkaji menghuraikan dan menyatakan keseluruhan aspek-aspek yang berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan. Antara aspek yang dibincangkan termasuklah sebab dan tujuan kajian ini hendak dijalankan berdasarkan latar belakang kajian dan permasalahan yang dikemukakan. Di samping itu, bab ini menyatakan soalan kajian yang bakal dijawab dalam bahagian akhir kajian ini. Pemboleh ubah yang dipaparkan dalam kajian ini diterangkan pada bahagian definisi operasional. Terdapat beberapa tujuan yang dinyatakan dalam bab ini yang menjadi persoalan terhadap kajian. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti kesulitan dan kekeliruan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Asing. Kajian ini juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa asing yang lebih efisien dan berkesan. Oleh itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baik mampu meningkatkan penguasaan bahasa Arab sebagai bahasa Asing di Malaysia. Justeru itu, dengan proses perlaksanaan yang diterangkan ini mampu menjawab persoalan yang timbul berdasarkan rangka kajian tersebut.